

SOALAN NO.: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YBHG. DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS

TARIKH : 31 OKTOBER 2017 [SELASA]

SOALAN :

Dato' Kamarul Bahrin Bin Abbas minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :

- (a) rancangan Kementerian dalam memberikan tumpuan bukan sekadar hanya pengeksportan minyak kelapa sawit, hasil getah atau koko bahkan termasuk penghasilan produk sampingan (by product) yang boleh dimanfaatkan daripada sumber pertanian itu sendiri; dan
- (b) peruntukan penyelidikan (R&D) yang berkaitan industri kelapa sawit, getah dan lain-lain bentuk pertanian dan perladangan di bawah tanggungjawab Kementerian bagi tujuan komersial.

111

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui agensi-agensinya di bawahnya giat menjalankan kajian dan penghasilan produk sampingan daripada sumber tanaman komoditi. Antara produk-produk yang mempunyai potensi komersial ialah:

- (i) venir, papan lapis, kayu gergaji dan papan serpai yang terhasil daripada batang kelapa sawit (*oil palm trunk* – OPT) sebagai sumber alternatif kayu;
- (ii) biokomposit, produk karbon, fitonutrien, biokimia, makanan haiwan, pulpa dan kertas yang dihasilkan daripada pokok atau buah sawit;
- (iii) serum yang dihasilkan daripada pemprosesan getah krip yang boleh digunakan sebagai bahan asas seperti protein untuk campuran makanan haiwan dan juga gula untuk penghasilan *quebrachitol* serta produk kosmetik;
- (iv) jus pulpa, jeli pulpa, lilin kosmetik dan skrub badan yang dihasilkan daripada koko; dan
- (v) minyak wangi, *garlic pepper sauce* dan *black pepper marinade* bersumberkan lada.

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah peruntukan untuk pembangunan dan penyelidikan (R&D) industri komoditi di bawah Rancangan Malaysia ke-11 adalah sebanyak RM977.5 juta. Peruntukan ini disediakan untuk penyelidikan dan geran pengomersialan sawit, getah, kayu, koko, lada dan kenaf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 31 OKTOBER 2017 (SELASA)

SOALAN : 53

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila Railway Network Access Agreement (RNAA) akan dilaksanakan, apakah caj yang akan dikenakan ke atas KTM Komuter dan KTM Intercity untuk menggunakan landasan kereta api, dan sama ada perkhidmatan kargo dan juga penumpang akan dibuka kepada syarikat yang lain (selain dari KTM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian *Railway Network Access Agreement* (RNAA) telah ditandatangani antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 22 Disember 2016 yang lalu. Kedua – dua pihak diberikan tempoh selama satu (1) tahun iaitu sehingga 21 Disember 2017 untuk memuktamadkan sebanyak 11 apendiks yang berkaitan dan tiga (3) *Definitive Agreement*. Pada ketika ini, sebanyak 85% proses pengumpulan maklumat untuk 11 apendiks dan tiga (3) *Definitive Agreement* telah dimuktamadkan dan dijangka akan selesai mengikut jadual yang ditetapkan.

Apabila RNAA dilaksanakan kelak, RAC sebagai pemilik serta pengurus infrastruktur keretapi akan perlu mengenakan caj akses dan penggunaan landasan kepada pengendali perkhidmatan rel pada kadar yang akan ditentukan berdasarkan formula yang diluluskan oleh SPAD kelak. Kutipan caj ini akan digunakan untuk membiayai kos operasi, penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur keretapi.

Meskipun RNAA merupakan satu pendekatan baru di dalam sektor rel negara, ia akan membebaskan KTMB daripada terpaksa menanggung kos operasi penyelenggaraan keseluruhan rangkaian keretapinya. Sebaliknya KTMB hanya perlu membayar caj akses dan penggunaan landasan berdasarkan penggunaan sebenar sahaja. Ini

akan mengurangkan beban kepada KTMB memandangkan pada masa sekarang KTMB hanya menggunakan kira-kira 40% daripada keseluruhan kapasiti landasan. Baki kapasiti yang tidak digunapakai oleh KTMB ini berpotensi untuk ditawarkan kepada pihak lain yang berminat untuk turut menyediakan perkhidmatan keretapi.